



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
30640 IPOH. PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-501 5000 Faks : 05-527 7273
portal : <http://jpnperak.moe.gov.my>



"1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Kami : J. Pend.Pk.(AM)4931 Jld.4(36)

Tarikh : 5 Oktober 2017

Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Negeri Perak

Semua Pengetua / Guru Besar,
Sekolah Menengah / Rendah
Negeri Perak

Tuan / Puan,

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN
KENAIKAN PANGKAT**

Dengan segala hormatnya saya diarah menarik perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Bersama-sama ini diedarkan **Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat** berikutan Peraturan 44, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 mengenai gaji permulaan kenaikan pangkat telah dipinda melalui Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) (Pindaan) 2017 yang berkuatkuasa mulai 1 Mei 2017 [P.U.(A)163/2017].

3. Sehubungan dengan itu, garis panduan ini hendaklah dijadikan rujukan dalam melaksanakan penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai yang tarikh kenaikan pangkatnya berkuatkuasa mulai 1 Mei 2017.

4. Kerjasama dan perhatian tuan/puan berkaitan perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MEOR SHAHIBUL FADILAH BIN ZAINUDDIN)
Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

